

# UMS-UTHM saling bertukar maklumat

UM 14-5-2014 26

KOTA KINABALU

13 Mei - Bahagian Perumahan dan Hospitaliti (BPH), Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengadakan lawatan kerja ke Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

Lawatan tersebut disertai enam pegawai BPH, diketuai Pengerusi Majlis Pengetua-pengetua Kolej Kediaman UMS (MAPeK), Dr. Andika Aziz Hussin.

Menurut Andika, lawatan itu bertujuan berkongsi maklumat dan idea baharu tentang kolej kediaman di kedua-dua universiti berkenaan.

“Ini selaras dengan matlamat BPH untuk menyediakan perkhidmatan terbaik dari sudut kemudahan penginapan, kebajikan dan keselamatan kepada para pelajar,” katanya.

Dalam lawatan tersebut, rombongan BPH UMS dibawa melihat persekitaran dan kemudahan yang terdapat di Kolej Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Tun Fatimah, UTHM.